

Kontrak CEO MRT dilanjutkan sehingga 2018

KUALA LUMPUR 11 Ogos - Kontrak perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.), Datuk Seri Shahril Mokhtar dilanjutkan dua tahun lagi sehingga 31 Disember 2018, setelah mengetuai syarikat tersebut sejak Januari 2015.

Menurut syarikat itu, lanjutan kontrak Shahril diluluskan oleh kerajaan, sekali gus membolehkan beliau meneruskan khidmatnya untuk mengetuai projek pembinaan aliran transit massa (MRT) di Lembah Klang.

Pengerusi MRT Corp., Tan Sri Dr. Ali Hamsa berkata, kepimpinan yang baik oleh Shahril membuatkan MRT Corp. diiktiraf oleh kerajaan dan merupakan aset penting pada waktu ini dengan laluan pertama Sungai Buloh-Kajang (SBK) akan beroperasi tidak lama lagi.

"Kerajaan memutuskan Shahril diperlukan dalam MRT Corp. untuk melaksanakan operasi kedua-dua fasa bagi laluan SBK pada Disember ini dan Julai tahun depan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



SHahril MOkhtar